

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DR. KELVIN YII LEE WUEN
[BANDAR KUCHING]**

TARIKH : 04 OGOS 2020 (SELASA)

SOALAN

YB DR. KELVIN YII LEE WUEN [BANDAR KUCHING] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berkenaan pelan Kerajaan dan SPR untuk membolehkan pengundi Sarawak yang tinggal/bekerja di Semenanjung Malaysia mengundi sebagai “*postal voter*” dalam pilihan raya yang akan datang.

JAWAPAN : YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tempoh hayat Dewan Undangan Negeri (DUN) Sarawak Ke-11 akan berakhir pada 6 Jun 2021 dengan mengambil kira persidangan DUN pertama selepas Pilihan Raya Umum (PRU) DUN Sarawak Ke-10 pada 7 Jun 2016.
2. Berdasarkan maklumat **Daftar Pemilih Tambahan Suku Tahun Pertama Tahun 2020, Sarawak mempunyai 1,246,001 orang pemilih.** Daripada angka tersebut, semakan alamat pemilih mendapati bahawa **seramai 15,056 orang pemilih yang berdaftar di Sarawak mempunyai alamat di luar Sarawak.** Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan menetapkan salah satu kelayakan untuk didaftarkan sebagai pemilih ialah bermastautin dalam mana-mana Bahagian Pilihan Raya. Bagi maksud tersebut, SPR menentukan Bahagian Pilihan Raya seseorang pemilih berdasarkan kepada alamat mastautin pemilih seperti di kad pengenalan dan pangkalan data Jabatan Pendaftaran Negara. SPR menggalakkan pengundi untuk memohon pertukaran Bahagian Pilihan Raya berdasarkan tempat mastautin terkini bagi memudahkan urusan pengundian bagi suatu pilihan raya umum atau kecil.
3. Berkaitan pengundi yang tinggal di luar Sarawak sebagai pengundi pos, dimaklumkan bahawa pada masa sekarang, tiada peruntukan undang-undang khusus bagi membolehkan pengundi tersebut untuk menggunakan kemudahan mengundi sebagai pengundi pos. Kemudahan undi pos hanya diberikan kepada kategori-kategori berikut:
 - a) Ahli SPR dan kakitangan SPR;
 - b) Petugas pilihan raya;
 - c) Tentera, Polis, Polis Pasukan Gerak Am (PGA) yang bertugas pada Hari Mengundi Awal;

- d) Pengamal media yang bertugas membuat liputan pilihan raya di luar kawasan pada Hari Mengundi;
 - e) Kakitangan bagi 9 Agensi (Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Penjara Malaysia, Agensi Pengurusan Maritim Malaysia, Sukarelawan Simpanan Polis, Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Kesihatan Malaysia, Jabatan Pendaftaran Negara-UTC, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, Agensi Pengurusan Bencana Negara) yang bertugas pada Hari Mengundi; dan
 - f) Pengundi Malaysia yang berada di luar negara (kecuali Brunei, Singapura, Kalimantan dan Selatan Thai).
4. Pada masa ini, SPR tidak bercadang untuk menambah kategori yang boleh memberikan kemudahan mengundi kepada pemilih yang berada di luar Bahagian Pilihan Raya pada hari mengundi.

Sekian, terima kasih.